



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 24 FEBRUARI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	278 KES KEKEJAMAN TERHADAP HAIWAN DICATATKAN SEJAK 2018 HINGGA TAHUN LALU, LOKAL, HARIAN METRO-2 TENDANG SEPAK HAIWAN BOLEH DIPENJARA, LOKAL, HARIAN METRO-3 KULIT NURI JADI CRISPY DISIMBAH MINYAK PANAS, LOKAL, HARIAN METRO-3	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
4. 5. 6. 7. 8.	JUAL PRODUK BERASAS DURIAN RAIH PENDAPATAN CECAH RM 10,000.00, NEGARA, KOSMO-18 DURIAN SUMBER REZEKI LEYLA, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA-32 PADI DAN MARUAH PETANI, RENCANA, UTUSAN MALAYSIA-17 ANGIN BENTARA PUNCA TANGKAPAN MEROSOT, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA-31 CARRY ON WITH 5G TECHNOLOGY AND PROMOTE SMART AGRICULTURE DEVELOPMENT, NATION, SIN CHEW DAILY-5	*LAIN - LAIN*

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24.02.2021	HARIAN METRO	LOKAL	2

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Semakin ramai tidak berperikemanusiaan dan berhati kejam. Itu rumusan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) yang merekodkan sebanyak 278 kes kekejaman terhadap haiwan sejak 2018 hingga tahun lalu.

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr Norlizan Mohd Noor berkata, daripada jumlah itu, anjing dan kucing paling tinggi menjadi mangsa kekejaman.

Beliau berkata, rekod diperoleh menunjukkan sebanyak 111 kes penganalayaan membabitkan anjing manakala kucing merekodkan 108 kes.

Menurutnya, spesies haiwan lain yang menjadi mangsa kekejaman manusia adalah ayam laga sebanyak 25 kes, ikan laga (25 kes), burung satu kes dan lembu satu kes bagi tempoh sama.

"Malah melalui tindakan penguatkuasaan kes keadilan dan kebajikan haiwan berdasarkan Akta 647 dan Akta 772, sebanyak RM867,800 jumlah denda dikenakan kepada pesalah sejak 2015.

"Angka ini jelas meningkat apabila apabila denda dikenakan sepanjang tahun lalu sahaja berjumlah RM697,000.

"Tindakan itu diambil hasil daripada 2,740 aduan sejak 2015 hingga tahun lalu. Malah DVS turut melakukan 32,851 operasi sepanjang tempoh sama bagi menghalang kegiatan itu," katanya kepada Harian Metro.

Dr Norlizan berkata, sebanyak 196 kes diperoleh dan diasiat bagi tempoh sama dengan 60 kes berjaya diselesaikan di mahkamah sepanjang tempoh itu.

Beliau berkata, DVS mempunyai kuasa sebagaimana peruntukan mengikut Akta Kebajikan Haiwan (AKH) 2015, termasuklah mempromosi kebajikan haiwan dan pemilikan haiwan yang bertanggungjawab oleh masyarakat.

"DVS juga bertanggungjawab untuk menguatkuasakan peruntukan-peruntukan di dalam AKH untuk mengambil tindakan ke atas pihak yang mengabaikan keperluan haiwan dan melakukan penganalayaan ke atas haiwan.

"DVS juga menghadapi beberapa cabaran dalam memberantas kes penderaan dan pengabaian haiwan ini

MANUSIA HATI KEJAM

278 kes kekejaman terhadap haiwan dicatatkan sejak 2018 hingga tahun lalu

KES PENDERAAN & PENGABAIAN HAIWAN

■ **12 JANUARI 2021**
Seorang kerani pentadbiran didenda RM30,000 oleh Mahkamah Sesyen Georgetown kerana menganiaya dua anjing miliknya dengan tidak memberi makan dan merantai haiwan berkenaan, pada Mac tahun lalu.

■ **23 JULAI 2020**
Perbuatan kejam seorang buruh menetak seekor lembu korban dengan sebilah parang membawa padah apabila dijatuhkan hukuman denda RM30,000 di Mahkamah Sesyen Besut.

■ **9 JULAI 2020**
Seramai 28 lelaki termasuk dua warga Indonesia didenda RM120,000 di Mahkamah Sesyen Kemaman di sini selapas menguak salah berjudi sabung ayam dan berada di tempat berkenaan.



DVS juga menghadapi beberapa cabaran dalam memberantas kes penderaan dan pengabaian haiwan ini kerana budaya ihsan, kebajikan dan kesejahteraan kepada haiwan oleh masyarakat di negara ini masih rendah. Ia belum dapat diterapkan secara holistik"



kerana budaya ihsan, kebajikan dan kesejahteraan kepada haiwan oleh masyarakat di negara ini masih rendah. Ia belum dapat diterapkan secara holistik," katanya.

Beliau berkata, penguatkuasaan perundangan mengenai jenayah haiwan masih belum dapat menyedarkan rakyat.

"Tiada kefahaman mengenai perundangan (Akta Binatang 1953 dan Akta Kebajikan Haiwan 2015) oleh sebahagian masyarakat juga antara cabaran dihadapi kita.

"Selain itu, pendidikan kebajikan haiwan masih belum diperluaskan di negara ini merangkumi semua kategori dan lapisan masyarakat," katanya.

Selain itu, menurutnya,

Dr Norlizan

kempen kesedaran, pendidikan dan promosi kebajikan haiwan memerlukan pembabitn semua pihak.

"Jalinan kerjasama antara pertubuhan bukan kerajaan (NGO), persatuan haiwan, pihak berkuasa tempatan, institusi, jabatan dan agensi kerajaan masih perlu diperkukuhkan," katanya.



Kuala Lumpur: Awas jika ada individu yang pernah menyepak, menendang, menakutkan haiwan atau mencacatkan roana-mana anggotanya.

Selain perbuatan ini, tindakan tidak menyediakan makanan antara kesalahan kezaliman dan pengabaian yang boleh menyebabkan individu terbahit didenda atau dipenjara.

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr Norlizan Mohd Noor berkata, terdapat dua perbezaan utama membabit kes jenayah terhadap haiwan.

Menurutnya, perbezaan adalah antara kes menyebabkan penderitaan dan kematian kepada haiwan serta kes membabitkan pengabaian keperluan kebajikan haiwan yang dimiliki.

"Kes membabitkan perbuatan kejam dilakukan individu dengan sengaja terhadap mana-mana haiwan, sama ada haiwan yang dimiliki atau yang terbiar hingga menyebabkan kesakitan, penderitaan dan kematian kepada haiwan itu.

"Perbuatan ini termaktub dalam Bahagian V Akta Kebajikan Haiwan 2015 iaitu perbuatan fizikal dilakukan ke atas haiwan menyebabkan penderitaan dan kesakitan seperti

Tendang, sepak haiwan boleh dipenjara

menyepak, menendang, menakutkan haiwan, melebihi muatan, mencacatkan mana-mana anggota haiwan semasa haiwan hidup dan mengeluarkan mana-mana bahagian haiwan yang masih hidup.

"Selain itu perbuatan tidak menyediakan makan minum dan tempat perlindungan mencukupi untuk haiwan dimiliki dan apa-apa perbuatan lain yang boleh menyebabkan kesengsaraan dan penderitaan kepada haiwan juga tertakluk pada akta berkenaan," katanya kepada Harian Metro.

Dr Norlizan berkata, kes jenayah haiwan ini juga

termasuk tindakan membunuh atau meracun haiwan tanpa sebab munasabah dan kegiatan laga haiwan.

"Sementara itu, kes membabitkan pengabaian keperluan kebajikan haiwan yang dimiliki bermaksud pemilik haiwan gagal menjalankan tanggungjawab munasabah memastikan keperluan haiwan dipenuhi mengikut Seksyen 24 Akta Kebajikan Haiwan 2015.

"Ia termasuk kegagalan

pemilik haiwan untuk memastikan keperluan persekitaran yang sesuai kepada haiwan, keperluan diet yang sesuai dan keperluan untuk membolehkan haiwan mempamer corak semula jadi," katanya.

Beliau berkata, pengabaian juga bermaksud keperluan untuk menempatkan haiwan sama ada berasingan atau bersama dan keperluan untuk melindungi haiwan daripada kesakitan, penderitaan, kecederaan dan penyakit.

"Sesiapa sahaja melakukan perbuatan penganiayaan dan pengabaian kebajikan haiwan boleh dikenakan tindakan undang-undang

mengikut Akta Kebajikan Haiwan 2015.

"Penalti bagi kes penganiayaan kepada haiwan boleh disabitkan mengikut Seksyen 29 (penganiayaan kepada haiwan), Seksyen 30 (Pembunuhan haiwan), Seksyen 31 (Pemberian racun) dan Seksyen 32 (Pelagaan haiwan) boleh dikenakan denda tidak kurang RM20,000 dan tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya," katanya.

Katanya, penalti bagi kes pengabaian kebajikan haiwan kepada haiwan pula sekiranya disabitkan mengikut Seksyen 24 Akta Kebajikan Haiwan 2015, boleh didenda tidak kurang daripada RM15,000 dan tidak lebih daripada RM75,000 atau dipenjara selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya.

“Perbuatan ini termaktub dalam Bahagian V Akta Kebajikan Haiwan 2015 Dr Norlizan”



KEADAAN Nuri yang kesakitan akibat disimbah minyak panas oleh individu tidak dikenal.

Kulit Nuri jadi *crispy* disimbah minyak panas

Kuala Lumpur: Kejamnya! Itu ungkapan terlintas di hati seorang pengasas NGO sejurus melihat seekor kucing yang sedang sarat bunting cedera parah akibat disimbah minyak panas.

Lebih menyedihkan apabila kucing itu yang menjadi mangsa penganiayaan di Taman Angkasa Nuri, Melaka, akhirnya mati selepas tiga minggu dirawat.

Menceritakan detik tragis menimpa haiwan itu, Pengasas *Shikin'S Team Animal Rescuer* (STAR), Norasikin Ahmad berkata, kejadian itu berlaku pada 2 Januari lalu selepas dia menerima maklumat melalui laman sosial Facebook.

Menurutnya, pengadu memberitahu seekor kucing cedera disimbah minyak panas sebelum dia bergegas ke lokasi.

"Bagaimanapun, kami tidak menemui pelakunya kerana tiada saksi kejadian ketika itu. Perasaan saya ketika itu cukup sedih dan marah kepada orang yang

melakukannya.

"Kenapa perlu disimbah minyak panas? Cukuplah sekadar menghalau kucing itu jika membencinya," katanya yang memberikan nama kucing itu sebagai Nuri sempena nama lokasi dia ditemui.

Norasikin berkata, Nuri dirawat di klinik veterinar selama tiga minggu namun tiada tanda-tanda kucing itu akan sembuh susulan kecederaan teruk dialami.

"Sebahagian badannya melecur teruk malah kulitnya turut menjadi *crispy* (garing) menyebabkan kald badapan Nuri terpaksa dipotong kerana sudah tiada sel darah.

"Kos rawatan dianggarkan RM1,500 hasil sumbangan orang ramai yang simpati dengan nasib Nuri," katanya kepada Harian Metro.

Katanya, lebih menyedihkan kerana ketika kejadian itu Nuri sedang bunting dan keguguran sebelum ia akhirnya mati akibat tidak mampu menahan kesakitan pada 26 Januari lalu.

24.02.2021

KOSMO

NEGARA

18

Jual produk berasas durian raih pendapatan cecah RM10,000

SUNGAI PETANI - Seorang ibu tunggal mampu meraih pendapatan sehingga RM10,000 sebulan dengan hanya menjalankan perniagaan produk makanan berasaskan isi durian dari rumahnya di Taman Sinar Intan di sini sejak 10 tahun lalu.

Norleylawati Ruslee, 40, berkata, dia tidak menangan tangan menerima tempahan termasuk sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Katanya, sembilan jenis produk dihasilkannya iaitu durian crepe, ais krim durian, set pulut durian, kek durian, pes tempoyak, mille crepe durian, durian shake, poketmon durian dan terbabaru, pau durian.

"Saya memulakan perniagaan

ini dengan modal sendiri sebanyak RM3,000 untuk menjual durian crepe menggunakan kira-kira 10 kilogram (kg) buah durian.

"Tempahan yang semakin meningkat menyebabkan saya terpaksa membeli 70kg durian setiap kali tempahan dibuka.

"Saya tidak menyangka dengan hanya menjual produk makanan itu, pendapatan yang diperoleh kira-kira RM2,000 sebulan mampu meningkat sehingga RM10,000 sebulan pada tahun lalu," katanya ketika ditemui di rumahnya baru-baru ini.

Ibu kepada tiga anak itu memberitahu, menjelang 2020, dia mula mendapat pembekal isi durian jenis D24 sekali gus dapat memperibagakan produk ma-

kanan berasaskan durian.


"Produk saya dijual pada harga bermula RM12 hingga RM100.

"Saya belajar menghasilkan produk ini melalui resipi di internet dengan sedikit penambahbaikan supaya lebih enak.

"Saya bercadang membuka sebuah kafe makanan berasaskan durian," ujarnya.

Katanya, semua produknya kini diiklankan secara online selain boleh diperolehi secara terus dari rumahnya di Taman Sinar Intan atau menerusi ejen tempahan serta aplikasi Food Panda.

Bagi yang mahu membuat tempahan boleh menghubungi Norleylawati melalui Facebook Rumah Durian Norleylawati Ruslee.



NORLEYLAWATI menunjukkan sebahagian produk makanan berasaskan durian di rumahnya di Taman Sinar Intan, Sungai Petani baru-baru ini.

24.02.2021

UTUSAN MALAYSIA

DALAM
NEGERI

32

Durian sumber rezeki Leyla

Okh NUR SYAZWANA MANSOR
utusannews@mediavulva.com.my

SUNGAI PETANI: Seorang ibu tunggal meraih pendapatan RM10,000 sebulan dengan menjalan perniagaan produk makanan berasaskan durian dari rumahnya di Taman Sinar Intan di sini sejak 10 tahun lalu.

Antara jenis produk makanan berasaskan durian yang dijual ialah durian crepe, ais krim durian, pulut durian, kek durian, pes tempoyak, mille crepe durian, durian shake, poketmon durian dan pau durian.

Nonleylawati Ruslee, 40, atau Leyla berkata, dia menerima banyak tempahan produk makanan tersebut daripada penggemar durian terutamanya dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menurutnya, dia tidak menyangka perniagaan produk makanan berasaskan durian yang diusahakan sejak 10 tahun lalu itu dapat bertahan sekali gus menjana pendapatan lumayan.

"Pendapatan awal saya sekitar RM2,000 sebulan sebelum meningkat RM10,000 tahun lalu," katanya di sini semalam.

Ibu tunggal kepada tiga orang



NORLEYLAWATI
Ruslee menunjukkan
sebagai contoh produk
makanan berasaskan
durian yang
diusahakannya di
rumahnya di Taman
Sinar Intan, Sungai
Petani.

sering mendapat pujian ahli keluarga dan rakan-rakan.

"Sejak itu timbul ilham menjual durian crepe secara dalam talian dan saya sendiri yang akan membuat penghantaran kepada pelanggan," katanya.

Menurutnya, dengan beralih modal sendiri sebanyak RM3,000, dia mula menjual durian crepe dengan membeli kira-kira 10 kilogram buah durian.

Namun tambahnya, permintaan durian crepe semakin meningkat sehingga perlu menambah bekalan durian 70 kilogram setiap kali tempahan dibuka.

"Bagaimanapun ketika itu tempahan hanya boleh dibuka ketika musim durian kerana belum mempunyai pembekal isi durian dalam tempoh sepanjang tahun," jelasnya.

Katanya, semua produknya kini diiklan secara dalam talian dan pelanggan boleh mendapatkan produk makanan durian terbabit secara terus dari rumah atau tempahan melalui ejen dan aplikasi Food Panda.

"Saya berhasrat memajukan perniagaan ini dan membuka sebuah kafe," katanya.

"Kami sekehuarga memang penggemar durian jadi saya suka mencuba pelbagai resipi baharu yang dikongsi di internet dan setiap resipi yang saya cuba

anak ini berkata, dia sering mencuba pelbagai resipi manis terutamanya berasaskan durian sekadar untuk memenuhi selera sendiri dan keluarga.

Padi dan maruah petani

ISU sawah padi dan hasil yang diperolehi oleh petani sudah berlarutan sejak dua, tiga minggu lepas. Ia bermula dengan penyusutan keluasan sawah padi di beberapa negeri yang turut menjejaskan pengeluaran padi untuk menampung keperluan makanan utama negara.

Apabila Kedah dijangka 'hilang' status Jelapang Padi negara, maka negeri-negeri lain yang ada tanaman padi tampil hendak menggantikan Kedah. Kedah kini mempunyai keluasan 82,968 hektar padi manakala Perlis 17,717 hektar. Kedua-dua negeri ini diletakkan di bawah empat wilayah iaitu Wilayah 1 bagi Perlis, Wilayah 2 (Iitra), Wilayah 3 (Pendang) dan Wilayah 4 (Kota Sarang Semut).

Kawasan penanaman padi terbesar di Malaysia ini diuruskan oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Muda. Rancangan Pengairan Muda yang bermula pada hujung 1960-an mengairkan kawasan padi di kesemua wilayah tanaman padi di Perlis dan Kedah yang membantu petani mengusahakan sawah mereka dua kali setahun.

**M. JASNI
MAJED**



Kita dapat melihat betapa sejak bermulanya tanaman padi dua kali setahun, petani menjadi tidak menang tangan. Mereka juga sudah mula meninggalkan kaedah tradisional sekitar 1980-an kerana penggunaan peralatan moden termasuk jentera menuai yang menjimatkan masa dan tenaga.

KETUM

Malah, sudah banyak kali dibayangkan tentang usaha hendak menanam padi lima kali dalam masa dua tahun tetapi sampai sekarang belum terlaksana kerana pelbagai kekangan. Masalah masa, benih padi dan kawalan penyakit masih membelenggu petani.

Apa-apa pun, petani tidak kira di mana sekalipun sentiasa menghadapi masalah dalam tugas mereka. Saya percaya, jika tidak kerana pelbagai bentuk bantuan diberikan oleh kerajaan, sudah ramai petani meninggalkan bidang ini kerana keuntungan diperolehi



Jika seapan petai boleh dijual sampai RM1.50, tidak mustahil petani akan menggantikan dengan tanaman tersebut suatu ketika nanti."

bukanlah banyak. Mereka pula terpaksa berdepan pelbagai risiko sejak padi mula ditanam sampailah ke hari tuai.

Maka tidak hairanlah ada dalam kalangan petani menjual tanah sawah mereka jika ada tawaran menarik. Tidak hairanlah juga ada dalam kalangan petani menebus guna tanah dengan tanaman lain seperti mempelam harum manis dan ketum. Sesiapa pun tidak akan melepaskan peluang jika mereka memperoleh keuntungan daripada membiarkan tanah tidak diguna langsung sekiranya

ada kudrat. Dalam keadaan hasil padi yang berisiko, tidak mustahil tanaman lain akan diganti jika hasilnya lebih lumayan. Contohnya, jika seapan petai boleh dijual sampai RM1.50, tidak mustahil petani akan menggantikan dengan tanaman tersebut suatu ketika nanti.

CUKUP MAKAN

Pesawah padi ada maruahnyanya. Maruahnyanya terletak pada usaha berbanding dengan ganjaran yang diperolehi setelah berpenat-lelah membanting tulang. Petani yang sekadar memiliki tanah bawah tiga ekar hanya cukup makan. Pembahagian tanah kepada anak-anak menjadikan milikan tanah bagi setiap anak petani semakin mengecil. Golongan muda yang masih bergelumang hidup mereka sebagai petani mungkin kerana terpaksa berikutan tidak ada peluang memperoleh pekerjaan lain.

Sebenarnya mereka inilah yang perlu dididik supaya kekal menjadi petani kerana usaha golongan tersebut untuk menambah bahan mentah negara sekali gus mengelak lambakan import beras luar negara. Oleh itu, segala permasalahan

dalam bidang pertanian membabitkan padi mesti diberi perhatian serius.

Kita memang tidak boleh mengelak bencana alam seperti kemarau dan banjir. Tetapi dalam soal-soal lain seperti menghasilkan padi tahan penyakit, padi yang sukar tumbang, kawalan makhluk perosak dan bekalan benih berkualiti serta tempoh matang padi lebih singkat mesti diberi perhatian oleh pihak-pihak berwajib demi menjaga kebajikan petani.

Apa yang sering menjadi masalah saban tahun ialah serangan benih padi. Sudah sekian lama serangan penyakit ini berlaku terutama ketika padi hampir dituai dan seolah-olah tiada jalan penyelesaiannya. Maka tidak hairanlah ada sesetengah petani menuai sebetum padi cukup matang kemudian menjualnya melalui proses pemotongan padi yang cukup tinggi. Alasan petani, jika tunggu betul-betul matang, padi sudah bertukar menjadi hampa.

Inilah yang perlu diambil kira demi maruah petani!

PENULIS ialah penganalisis sosial dan bekas guru.



DALAM keadaan hasil padi yang berisiko, tidak mustahil akan digantikan dengan tanaman lain jika hasilnya lebih lumayan. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN